

Kita mungkin guna euro ganti dolar

Daripada

AHMAD ABDUL HAMID

COPENHAGEN 24 Sept. — Malaysia mungkin menggantikan euro dalam perdagangan antarabangsa sebagai alternatif kepada dolar Amerika jika mata wang Kesatuan Eropah itu mampu mencapai status sebagai mata wang utama dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada waktu ini Malaysia masih belum yakin euro boleh menjadi mata wang utama bagi membolehkannya digunakan secara meluas dalam perdagangan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia mungkin meningkatkan sedikit

lum ditukarkan balik kepada nilai euro.

Keadaan ini, kata Dr. Mahathir, menunjukkan secara asasnya euro tidak berdiri di atas kekuatan sendiri.

Menurutnya, apa yang Malaysia mahu ialah harga barangan disebut da-

jumlah mata wang euro dalam rizab Bank Negara dalam usaha menghadapi risiko tukaran luar kerana pergantungan kepada dolar Amerika.

Dr. Mahathir bercakap kepada pemberita selepas majlis penutup Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keempat (ASEM4) yang berakhir di sini hari ini.

Menurut para pegawai ASEM, Perdana Menteri sendiri yang menyuarakan mengenai penggunaan euro sebagai alternatif kepada dolar Amerika dalam perdagangan sewaktu perbincangan tidak rasmi dengan para pe-

lam euro tanpa mengam- bil kira harganya meningkat jika disebut dalam dolar Amerika.

Dalam hubungan ini kata beliau, Amerika yang perlu mengubah suai nilai barangan mereka menurut nilai euro dan bukan sebaliknya.

mimpin Asia dan Eropah yang menghadiri ASEM4.

Perbincangan mengenai euro itu terkandung dalam agenda ASEM yang dihadiri oleh 10 pemimpin negara Asia dan 15 negara Kesatuan Eropah (EU).

Bertahan

Euro mula diperkenalkan pada Januari 2000 dengan mata wang kertas dan syiling hanya mula diperkenalkan Januari tahun ini menggantikan mata wang 12 negara EU.

Mata wang tersebut mampu bertahan selepas diperkenalkan dan pada

Perdana Menteri memberi contoh jika harga petroleum dalam euro menurun berbanding dalam dolar Amerika, nilai dalam dolar tersebut perlu turun.

Beliau berkata, ini bermakna euro patut menjadi mata wang utama dan

ketika ini mempunyai nilai lebih kurang sama dolar Amerika.

Menurut Dr. Mahathir, pada mulanya euro dijangka sentiasa mempunyai nilai lebih tinggi daripada dolar Amerika tetapi ia menyusut berbanding dolar Amerika tetapi kini kembali agak kukuh.

Beliau berkata, Malaysia akan meneliti sama ada nilai euro mampu terus bertahan pada nilai sekarang sambil menegaskan perlunya Malaysia mempunyai mata wang alternatif daripada dolar Amerika untuk perdagangan.

Bagaimanapun katanya, wujud kecenderungan masa ini di mana nilai barangan dalam euro ditukarkan kepada nilai dolar Amerika sebe-

dolar Amerika di belak- kang euro.

“Jika ini berlaku, Malaysia akan menggunakan lebih banyak euro atau sekurang-kurangnya menambah jumlah rezab dalam euro,” kata beliau. — *Utusan*

ASEM

Copenhagen 2002